

# Inteligensia Budaya dan Pemberdayaan Sosial

Azhar Ibrahim Alwee  
Universiti Nasional Singapura

Pemberdayaan sosial (*social empowerment*) boleh dipupuk dan digerakkan oleh beberapa kelompok sosial dalam masyarakat. Ianya tentu saja boleh disemarakkan oleh kepimpinan politik yang berkarisma.

Di Amerika Syarikat, dengan terlantiknya Barack Obama sebagai Presiden, semangat baru untuk keluar dari keterpinggiran di kalangan warga kulit hitam semakin terangsang, walaupun ada jua yang masih tertanya-tanya dan ragu.

Tetapi, gerakan menyemai pemberdayaan di kalangan kulit hitam Amerika sebenarnya sudah berlangsung agak lama.

Ianya dipelopori bukan saja dalam gerakan politik melawan perhambaan dan dasar pengasingan kaum, tetapi juga gerakan kebudayaan, kesenian, keagamaan serta wacana intelektual kulit hitam.

Dari aktivis politik Frederick Douglass dan Martin Luther King Jr, ahli sosiologi Du Bois, ahli teologi James Cone dan ahli falsafah Cornel West, sehinggalah kepada penulis Toni Morrison dan Ralph Ellison, semuanya adalah sebahagian daripada gerakan pembebasan dan pemberdayaan kulit hitam untuk menyanggah rasisme dan penindasan.

Obama sendiri terinspirasi dari wacana gerakan pembebasan dan hak awam sebelum karier politiknya terserlah.

Wawasan dan cita beliau membina Amerika yang lebih demokratis dan adil terilham daripada wacana pembebasan kulit hitam dan gerakan hak awam.

Pengalaman gerakan pemberdayaan mereka ini boleh menjadi tauladan kepada banyak masyarakat membangun.

Pemberdayaan bererti mengikhtiraf dan memberikan suara, kuasa, semangat dan keyakinan serta harga diri kepada individu dan kelompok dalam menanggapi dan menghadapi cabaran kehidupan ini.

Ianya bukan setakat suntikan dan seruan dari luar, melainkan juga respons dan *impulse* dari dalam diri seseorang dan kelompok itu.

Ianya juga bererti kekuatan berfikir secara analitikal dan kesanggupan bertindak dan memperbaiki sesuatu ke tingkat yang lebih baik.

Ianya meliputi setiap dan segala soal dan cabaran masyarakat yang dihadapi itu, yang meliputi hal-hal berkenaan politik, ekonomi, kebudayaan, keagamaan, pendidikan, perhubungan jender dan etnisiti dan sebagainya itu.

Namun, pemberdayaan yang lebih berkesan datang dari bawah, diperkembangkan oleh kelompok yang dekat dengan rakyat terbanyak, serta disahuti oleh mereka pula.

Pemberdayaan sosial ini tidak bererti pihak pemerintah tidak mahu atau usah ikut campur tangan dalam mengurus soal-soal kebajikan untuk rakyat. Ianya bukan substitut kepada tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat.

Ianya sayugia ditanggapi sebagai sebahagian daripada proses transformasi budaya dan masyarakat, khasnya dalam konteks terdapatnya halangan struktural dan ideologi yang menggagalkan pembangunan dan kemajuan dalam masyarakat, khasnya kepada kelompok yang terpinggir.

Pemberdayaan kepada kelompok inilah yang dirasakan penting sekali kerana seringkali mereka sendiri tidak sedar akan keadaan yang membelenggu mereka.

Untuk melepasi dari keadaan dan kebelengguan ini, mereka harus mula disedarkan, kemudian disarankan jalan keluar.

Antara jalan keluar terpenting ialah mendedahkan kepada mereka wacana dan pemikiran kritis serta rangsangan harapan yang boleh disampaikan dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian.

Maksudnya, bukan setakat kebudayaan dan kesenian untuk bina masyarakat atau manusia, tetapi tumpuan khas untuk menyalurkan semangat pemberdayaan dalam hasil kerja seni yang dikedepankan pada khalayak awam.

Dalam hal ini, peranan inteligensia kebudayaan amat penting yang merangkumi para guru, bahasawan dan sasterawan, termasuk para seniman dari pelbagai cabang seni.

Mereka ini adalah *standard-setters*. Keperhatian mereka dalam menggunakan saluran budaya dan bahasa yang baik adalah menjadi contoh kepada masyarakat pengguna bahasa itu.

Pemberdayaan berlangsung apabila golongan inteligensia itu berani dan jelas dalam mempersoalkan keadaan dalam masyarakatnya, serta menyuarakan pendapat dan sanggahan dengan bertanggungjawab.

Khalayak awam akan terdedah pada konsep dan perspektif kritis kiranya kelompok budayawan dan seniman dapat mengungkap sejumlah masalah manusia dan masyarakat sehingga difahami dalam ranah awam.

Sesungguhnya pemberdayaan sosial itu adalah merupakan suatu aspek komunikasi dalam proses pembangunan.

Makanya, soal pemberdayaan harus mengambil kira usaha menyuntik bukan saja kesadaran dan keyakinan diri di kalangan kelompok sasaran, tetapi juga memastikan bahawa wadah komunikasi budaya berkesan dan berkembang.

Pentingnya pendekatan dari bawah (*bottom-up*), iaitu upaya yang bermula dari bawah dan menjalar naik mempengaruhi di golongan atas serta memperkuat kehadirannya di kalangan rakyat, adalah sebahagian daripada pemasyarakatan etos demokrasi. .

Suara kritis golongan inteligensia harus dapat terungkap dengan baik guna mencapai pencerahan sosial dan kesadaran kritis yang menjadi asas penting dalam proses pemberdayaan.

Tetapi kalau golongan inteligensia dan kepeimpinan menggunakan bahasa bercelaru, dan minat budaya yang sempit, maka inilah juga yang akan dicontohi, secara tidak sedar oleh masyarakat umumnya.

Budayawan yang berilmu dan miliki cita sempurna untuk membangunkan masyarakatnya amat penting.

Kesungguhan mereka menulis dan membicara hal-hal abstrak dan konkrit demi menjelaskan kenyataan sosial adalah permulaan yang sihat untuk menjana pemberdayaan.

Soedjatmoko, seorang pemikir Indonesia yang tersohor, sering mengingatkan pentingnya proses pemberdayaan sebagai transformasi sosial yang memerlukan “imaginasi, kreativitas, daya cipta sosial serta kapasiti penalaran moral bukan saja dari pemerintah malainkan dari seluruh masyarakat.”

Mochtar Lubis juga pernah mengingatkan bahawa “kita harus yakin bahawa kita dapat mengubah nasib rakyat.”

Pemberdayaan sosial dan pencerahan pemikiran harus berjalan segandingan. Makanya, peranan akhbar, penerbitan intelektual dan kesusasteraan, kegiatan seni yang mengutarakan citra dan pengertian progresif amat penting ke arah pemberdayaan ini.

Ertinya, pemberdayaan sosial adalah memaksimumkan potensi bahasa dan budaya agar menjadi wadah penggerak kepada bangkitnya kesadaran kritis dan kemampuan kreatif dalam menghadapi cabaran semasa.

Pemberdayaan harus dapat memberi kita *a sense of pride*, rasa bangga dan harga diri akan budaya, tradisi dan jatidiri kita. Perasaan inilah antara unsur terpenting sebelum pembangunan dapat berkembang dengan lebih bererti.

\*\*\*\*\*